

Sime Darby Property Dijangkakan Bakal Melangkaui Sasaran Jualan TK2021 Dengan Catatan Rekod Jualan Sebanyak RM1.9 bilion Pada 9B TK2021

- Syarikat mencatat rekod jualan sebanyak RM1.9 bilion pada 9B TK2021 sejajar dengan sasaran jualan RM2.4 bilion bagi TK2021; tempahan setakat 7 November 2021 bernilai sebanyak RM1.7 bilion;
- Pencatatan pendapatan sebanyak RM1.5 bilion dan keuntungan sebelum cukai ("PBT") sebanyak RM147.4 juta pada 9B TK2021;
- Pelan pelancaran strategik bernilai RM1.6 bilion dalam suku keempat TK2021 dengan jangkakan jumlah nilai pelancaran sebanyak RM3.9 bilion bagi tahun ini.

ARA DAMANSARA, 25 NOVEMBER 2021 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.5 bilion pada sembilan bulan berakhir 30 September 2021 ("9B TK2021"), dan merakamkan peningkatan pendapatan sebanyak 9.1% berbanding RM1.4 bilion yang dicapai dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Pada 9B TK2021, Sime Darby Property mencatatkan PBT sebanyak RM147.4 juta yang menandakan peningkatan kukuh berbanding kerugian sebelum cukai ("LBT") sebanyak RM445.5 juta pada tempoh 9B TK2020. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti ("PATAMI") direkod sebanyak RM64.7 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata Syarikat kekal optimistik untuk melangkaui sasaran jualan sebanyak RM2.4 bilion bagi TK2021, berlandaskan pencapaian jualan pada sembilan bulan pertama tahun ini serta jaminan tempahan sebanyak RM1.7 bilion setakat 7 November 2021.

"Kami telah menjana hasil jualan yang baik untuk Syarikat setakat ini dan akan terus melancarkan projek-projek di lokasi-lokasi dan titik harga yang strategik. Syarikat akan meneruskan momentum pencapaian purata kadar pembelian sebanyak 90% di sektor produk perumahan baharu untuk baki tahun ini," kata Dato' Azmir.

Prestasi 9B TK2021 dari Tahun-ke-Tahun Mengikut Segmen

Segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*) menyumbang sebanyak 92.8% kepada jumlah pendapatan Syarikat yang menandakan peningkatan sebanyak 15.3% daripada RM1.3 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Segmen ini juga merekodkan peningkatan PBT sebanyak

RM187.4 juta berbanding LBT sebanyak RM433.7 juta pada TK2020. Peningkatan ini merupakan hasil daripada jualan produk-produk perindustrian dan perumahan, serta kemajuan kerja-kerja pembinaan merentas pembangunan-pembangunan Sime Darby Property di sekitar Lembah Kelang dan Negeri Sembilan.

Pada 9B TK2021, segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) menyumbang pendapatan sebanyak RM71.4 juta yang menunjukkan peningkatan sebanyak 28.1% tahun-ke-tahun, serta lonjakan PBT sebanyak RM11.8 juta berbanding RM2.3 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan pendapatan ini adalah hasil sumbangan daripada KL East Mall yang merupakan pusat membeli-belah pertama yang dimiliki sepenuhnya oleh Sime Darby Property. Segmen *Leisure* mencatatkan jumlah pendapatan dan LBT masing-masing sebanyak RM41.2 juta dan RM15.6 juta. Segmen ini telah terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”), dengan kerugian diatasi melalui penyatuan operasi-operasi dibawah urusannya.

Prestasi Suku Ketiga TK2021 (“Q3 TK2021”) berbanding Suku Ketiga TK2020 (“Q3 TK2020”)

Pencapaian pendapatan Sime Darby Property sebanyak RM388.2 juta pada Q3 TK2021 menunjukkan kadar penurunan sebanyak 34.5% tahun-ke-tahun disebabkan oleh penutupan sementara tapak-tapak projek serta galeri-galeri jualan. Kadar LBT juga turun sebanyak 98.5% kepada RM4.8 juta disebabkan pencapaian suku tahun sebelumnya yang terkesan dengan tanggungan rosot nilai dan peruntukan.

Prestasi Q3 TK2021 berbanding Q2 TK2021

Syarikat merekodkan penurunan pendapatan sebanyak 22.8% dengan LBT berbanding PBT suku sebelumnya pada RM57.3 juta. Segmen Pembangunan Hartanah mencatatkan pengurangan jumlah pendapatan kepada RM356.0 juta dengan PBT menurun kepada RM10.1 juta.

Impak daripada penurunan ini telah ditampung oleh langkah-langkah pembendungan kos serta aktiviti-aktiviti jualan dalam talian secara berterusan. Jualan produk-produk di KLGCC Resort dan KL East di Melawati juga telah berjaya menurunkan baki stok siap dibina ke tahap yang optimum pada RM403.4 juta.

Pencapaian Kewangan dan Operasi

Kedudukan kewangan Sime Darby Property kekal kukuh dengan baki tunai berjumlah RM618.9 juta dan nisbah hutang bersih pada kadar 32.1% setakat 30 September 2021. Syarikat memiliki perolehan masa hadapan yang lebih tinggi untuk jangkamasa yang lebih lama, ditunjangi oleh jualan belum dibil sebanyak RM2.1 bilion setakat ini. Nilai jualan belum dibil melangkaui RM2.0 bilion untuk kali pertama sejak tahun 2018, dan dijangka akan terus meningkat. Produk kediaman bertanah merupakan penyumbang utama kepada pencapaian ini dengan jualan merangkumi 47.4% daripada jumlah jualan yang dicapai oleh Syarikat, diikuti oleh kediaman bertingkat tinggi (*residential high-rise*) dengan 23.1% dan produk-produk perindustrian dengan 15.7%.

Pelancaran produk perumahan baharu oleh Syarikat pada tahun ini telah mencapai purata kadar pembelian sebanyak 90%. Projek-projek bertanah Serenia Ariya telah meraih kadar pembelian 100% manakala Dayana dan Elmina Green Four A dan B mencapai 98% kadar pembelian, serta Lyra 1, 2 dan 3 dengan 97%. Bagi kategori kediaman bertingkat tinggi, Maya Ara Residences di Ara Damansara dan Jendela Residences di KLGCC Resort masing-masing telah mencapai kadar pembelian sekitar 90% dan 70%.

Purata kadar pembelian untuk produk perindustrian juga amat memberangsangkan dengan luncaran kedua Twin Factories di Elmina Business Park yang meraih kadar pembelian sebanyak 100%.

Prospek Bagi TK2021

Prospek Sime Darby Property untuk baki tahun kewangan kelihatan lebih teguh susulan Q3 TK2021 yang mencabar. Syarikat akan meneruskan pelancaran strategik bernilai RM1.6 bilion dengan portfolio jualan merangkumi 57.8% produk kediaman bertanah, 25.8% produk perindustrian dan 13.9% produk kediaman bertingkat tinggi. Anggaran jumlah nilai pelancaran TK2021 adalah sebanyak RM3.9 bilion.

Dato' Azmir berkata, "Sejajar dengan momentum ekonomi dan pasaran hartanah yang semakin meningkat, Sime Darby Property akan terus memanfaatkan strategi-strategi yang akan menyumbang kepada keputusan kewangan dan operasi yang positif bagi tahun kewangan ini."

"Syarikat akan fokus untuk mencapai keutamaan korporat bagi TK2021, yang merangkumi pengembangan strategi pendapatan berulang Sime Darby Property untuk jangka masa yang panjang, seperti yang dapat dilihat menerusi penglibatan kami dalam sektor dana pembangunan

perindustrian. Kami kini meneroka pasaran untuk memenuhi permintaan bagi pembangunan hartanah logistik yang moden dan berskala besar di lokasi-lokasi utama. Perjanjian perkongsian di antara Sime Darby Property dengan LOGOS Property Group yang dimeterai baru-baru ini adalah langkah penting dalam pelan strategi jangka masa panjang Sime Darby Property dalam sektor hartanah di Malaysia.”

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property

ialah satu-satunya pemaju hartanah di Malaysia yang telah diiktiraf oleh Carbon Disclosure Project untuk inisiatif pengurusan karbon dan inisiatif syarikat dalam melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Ia merupakan pemaju hartanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju hartanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.simedarbyproperty.com

Media Contact: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

For General Enquiries please e-mail group.communications@simedarbyproperty.com